

PPM sabah rampas pelbagai barangan kawalan bernilai RM17 juta

28 Ogos 2019 5:48 PM

KOTA KINABALU 28 Ogos - Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah melakukan 70 tangkapan membabitkan pelbagai barangan kawalan yang diseludup dengan nilai rampasan RM17 juta dari Januari hingga Ogos tahun ini.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, jumlah tangkapan itu menunjukkan peningkatan ketara berbanding 56 kes tangkapan bagi tempoh sama tahun lalu dengan peningkatan sebanyak 14 kes.

"Nilai rampasan pada tahun lalu sebanyak RM5 juta manakala pada tahun ini rampasan bernilai RM17 juta. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM12 juta," lapor SabahNewsToday hari ini.

Mohamad Pajeri memberitahu, tangkapan yang dilakukan itu adalah hasil operasi bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Antara barangan yang dirampas adalah tong gas, gula, minyak masak, tepung gandum, petrol, diesel, ayam, roti dan pelbagai barangan kawalan lain," ujarnya.

Sementara itu, Mohamad Pajeri berkata, modus operandi yang selalu digunakan oleh sindiket kebiasannya menyeludup keluar barangan kawalan dari bandar Tawau ke Pulau Sebatik, Indonesia tetapi sebaliknya kini terus dibawa masuk ke Indonesia.

"Semua barangan berkenaan dirampas dan disiasat mengikut Seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961," jelasnya. – UTUSAN ONLINE